

## Hasil FY2025 SEDANIA Melonjak 51% Tahun-ke-Tahun

Dengan enam suku berturut-turut mencatat pertumbuhan, Kumpulan kembali meraih keuntungan sebelum cukai

### Sorotan Prestasi Utama:

#### 1. Semua Segmen dalam Laluan Pertumbuhan:

- Hasil Kumpulan bagi FY2025 melonjak **51% tahun-ke-tahun kepada RM81.9 juta** (4Q2025: RM21.7 juta, +56% tahun-ke-tahun), dengan segmen FMCG Mampan, Teknologi Pengguna Mampan dan Tenaga Mampan masing-masing mencatatkan pertumbuhan.

#### 2. Enam Suku Berturut-turut Pertumbuhan Hasil:

- Dengan enam suku berturut-turut pertumbuhan hasil sejak 1Q2024, SEDANIA yakin mampu **melepas paras hasil tiga angka jutaan pada FY2026**.

#### 3. Kembali Mencatat Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”):

- PBT kembali positif pada FY2025** (FY2024: -RM5.2 juta) dipacu oleh saluran jualan lebih kukuh, integrasi operasi Jenama Mampan yang lebih efisien, serta kepimpinan pasaran dalam fintech Islam melalui GoHalal Financing Program (“GHP”) dan As-Sidq Tawarruq.

### Sorotan Segmen: FY2025

	12 bulan berakhir 30 Jun 2025 (RM'000)	30 Jun 2024 (RM'000)	Pertumbuhan Peratus Tahun-Ke-Tahun
<b>Hasil Segmen</b>			
FMCG Mampan	66,416	43,528	(+52.6%)
Teknologi Pengguna Mampan	11,914	9,525	(+25.1%)
Tenaga Mampan	3,576	1,194	(+200.0%)
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>81,906</b>	<b>54,247</b>	<b>(+51.0%)</b>

**PETALING JAYA, 28 Ogos 2025** – SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan”) hari ini melaporkan satu lagi pencapaian cemerlang, mengukuhkan transformasinya sebagai antara kisah pertumbuhan paling menarik dan masih rendah penilaian di Malaysia. Dengan **hasil melonjak 51% tahun ke tahun kepada RM81.9 juta** bagi tahun kewangan 2025 (12 bulan berakhir 30 Jun 2024: RM54.2 juta) dan **keuntungan sebelum cukai (PBT) kembali mencatatkan prestasi positif**, SEDANIA membuktikan bahawa perniagaan berdasarkan kelestarian mampu menjadi pencipta nilai yang kukuh.

Prestasi ini menegaskan keupayaan Kumpulan melaksanakan strategi dengan konsisten merentas tiga (3) segmen mampan – FMCG Mampan, Teknologi Pengguna Mampan dan Tenaga Mampan. Bermula sebagai pencabar dalam kategori khusus berteraskan kelestarian, SEDANIA kini berkembang sebagai syarikat pelbagai pasaran dengan enjin pertumbuhan berganda, sekaligus meraih kepercayaan pengguna, korporat, institusi kewangan dan PKS. Momentum enam suku berturut-turut pertumbuhan hasil meletakkan SEDANIA di landasan kukuh untuk menembusi paras hasil tiga angka jutaan ringgit pada tahun kewangan akan datang – mercu tanda penting dalam perjalanan pertumbuhan SEDANIA.

FMCG Mampan kekal sebagai penyumbang hasil utama Kumpulan dengan RM66.4 juta (+53% tahun ke tahun) berikutan kejayaan Offspring mencapai kedudukan yang kukuh di pasaran digital (e-commerce) seperti Shopee, TikTok Shop dan Lazada. Tanamera terus mengukuh dengan permintaan domestik yang tinggi dan penembusan pasaran di China serta Jepun, manakala FA Herbs menegaskan kedudukannya sebagai rakan OEM/ODM Halal pilihan, memacu integrasi dalaman bagi meningkatkan daya tahan rantaian bekalan.

Bagi segmen Teknologi Pengguna Mampan, SEDANIA As Salam Capital (“SASC”) mengukuhkan dominasi dalam fintech Islam menerusi GHP, dengan kadar kemasukan pantas oleh institusi kewangan bukan bank (FSI) dan syarikat telekomunikasi. Segmen ini menyumbang RM11.9 juta pada FY2025 (+25% tahun ke tahun), mencerminkan permintaan yang semakin meningkat terhadap penyelesaian pembiayaan patuh Shariah.

## UNTUK SIARAN SEGERA



Sementara itu, segmen Tenaga Mampan hampir tiga kali ganda hasil kepada RM3.6 juta (2024: RM1.2 juta), didorong oleh sistem pengurusan tenaga pintar Greenback dan projek EPC baharu, sekali gus mengurangkan kerugian dengan ketara menerusi pelaksanaan yang lebih baik dan kawalan kos.

Perkembangan Kumpulan sepanjang FY2025 disokong oleh kekuatan jenama pengguna dan tawaran digital patuh Shariah. Offspring terus memperluas capaian dalam talian dan mengukuhkan kedudukan premium, manakala Tanamera mendapat manfaat daripada permintaan produk kesihatan semula jadi di ASEAN. Pada masa sama, GHP di bawah SASC semakin mendapat kepercayaan sebagai solusi digital pembiayaan Islam, menyokong inklusiviti kewangan sekaligus memperkuuh kedudukannya dalam ekosistem pembiayaan patuh Shariah.

**Pengerusi SEDANIA, Tun Dato' Seri Md Raus Sharif**, berkata: "Tahun Kewangan 2025 merupakan titik perubahan penting bagi SEDANIA. Kami bangga kerana berjaya mencatat pertumbuhan hasil yang kukuh, kembali meraih keuntungan di peringkat PBT dan membuktikan ketahanan model perniagaan berasaskan kelestarian. Ini mengukuhkan visi jangka panjang kami untuk membina jenama dan penyelesaian yang dipercayai dalam bidang pengguna, fintech Islam dan tenaga yang memberi impak serta mampan."

**Pengasas merangkap Pengarah Urusan Kumpulan SEDANIA, Datuk Azrin Mohd Noor**, menambah: "Melepasi paras RM100 juta hasil kini berada dalam jangkauan – satu mercu tanda penting yang kami berazam capai pada FY2026 selepas enam suku berturut-turut pertumbuhan hasil. Pencapaian ini adalah hasil daripada fokus lebih tajam terhadap saluran jualan, kebolehkembangan digital dan integrasi operasi merentas jenama. Dalam jangka panjang, pertumbuhan kami akan dipandu oleh tiga (3) teras utama: **Menghasilkan Produk Hebat, Membina Jenama Global, dan Mengoptimumkan Saluran Edaran**, selaras dengan misi kami iaitu *Memperbaiki Kehidupan Secara Lestari (Improving Lives Sustainably)*."

### Sorotan Operasi: FY2025

Segmen	Sorotan Operasi
FMCG Mampan	<p><b>Offspring:</b> Jenama premium produk penjagaan bayi dan rumah semula jadi teratas di Shopee, TikTok Shop dan Lazada. Memperluas capaian pemasaran secara agresif serta membina ekuiti jenama global. Sasaran pasaran baharu: China dan Vietnam.</p> <p><b>Tanamera:</b> Jenama warisan kukuh dengan permintaan domestik yang mantap dan margin berdaya tahan. Jenama kesihatan semula jadi premium terkemuka di Shopee, TikTok Shop dan Lazada. Sasaran pasaran baharu: China dan Jepun.</p> <p><b>FA Herbs:</b> Berkembang sebagai pengeluar OEM/ODM Halal terkemuka dengan kecekapan lebih baik. Beralih ke arah pengeluaran bersepadan untuk jenama mampan bagi mengurangkan risiko rantaian bekalan.</p>
Teknologi Pengguna Mampan	<p><b>GoHalal Financing Program (GHP):</b> Hasil GHP dalam FY2025 meningkat dua kali ganda tahun-ke-tahun. Diterima pakai dengan pantas oleh FSI bukan bank dan telco seperti Grab Financial Services, Seamoney (Shopee) dan Atome, mengukuhkan kedudukan SASC sebagai peneraju penyelesaian pembiayaan patuh Shariah menyeluruh.</p> <p><b>As-Sidq Tawarruq:</b> Hasil platform dagangan komoditi digital (Tawarruq Murabahah) kekal stabil, menegaskan peranannya sebagai pemudah (enabler) pembiayaan kewangan Islam digital di Malaysia. Memperkuuh kerjasama dengan bank sedia ada dan Kerjasama dengan bank Islam baharu.</p> <p><b>JOMHIBAH:</b> Menjalinkan kerjasama dengan Hong Leong Islamic Bank sebagai rakan pembiayaan serta giat meningkatkan kesedaran dan penerimaan penyelesaian pusaka Islam digital sepenuhnya.</p>
Tenaga Mampan	<p><b>Greenback &amp; Audit Tenaga:</b> Hasil SEDANIA Technology naik hampir tiga kali ganda tahun-ke-tahun kepada RM3.6 juta, didorong oleh sistem pengurusan tenaga pintar dan projek EPC baharu. Kerugian segmen berkurangan ketara hasil pelaksanaan lebih baik serta kecekapan kos.</p>

*Nota: Mulai FY2026, Segmen "FMCG Mampan" akan dijenamakan semula sebagai "Jenama Mampan", mencerminkan evolusi portfolio tersebut sebagai enjin pertumbuhan berteraskan jenama yang didukung oleh Offspring, Tanamera dan FA Herbs.*

-TAMAT-

*Pengelasan Semula ke Sektor Produk & Perkhidmatan Pengguna  
Saham Kumpulan SEDANIA yang disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia telah diklasifikasi semula di bawah sektor "Produk & Perkhidmatan Pengguna" serta subsektor "Perkhidmatan Pengguna", berkuat kuasa jam 9.00 pagi, 9 Julai 2024.*

### **Mengenai SEDANIA Innovator Berhad ("SIB")**

SEDANIA merupakan sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memberi tumpuan kepada perniagaan kearah kelestarian. Sejak disenaraikan pada tahun 2015 di Pasaran ACE Bursa Malaysia, Kumpulan telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada peningkatan kelestarian dan pengurangan pelepasan karbon, menyumbang kepada ekonomi yang lebih mampan.

Kumpulan didorong oleh teras perniagaan utama dalam barang dan perkhidmatan pengguna mampan, berorientasikan pengguna: **Offspring Inc Sdn Bhd ("Offspring")**, **Tanamera Group Sdn Bhd ("Tanamera")**, dan **SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd**.

**Offspring**, jenama bayi mampan yang menawarkan pelbagai produk dengan lebih dari 170 SKU yang diperbuat daripada bahan mesra alam dan pembungkusan yang boleh didegradasi yang terdapat di tiga benua antarabangsa.

**Tanamera** adalah penanda aras dalam penjagaan peribadi premium, semula jadi, dengan mencampurkan tradisi Asia dengan herba tropika ekologi kepada pelanggan yang tahap antarabangsa.

**SEDANIA As Salam Capital**, peneraju dalam revolusi kewangan digital, merangkumi hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan dengan penyelesaian FinTech inovatif, pengurusan harta Islam JOMHIBAH, dan Program Pembiayaan GoHalal ("GHP") untuk meningkatkan inklusif kewangan dan kesejahteraan.

Teras utama ini menekankan komitmen teguh SEDANIA terhadap inovasi, kelestarian, dan penyediaan barang dan perkhidmatan berorientasikan pengguna.

### ***Memperbaiki kehidupan secara lestari.***

Sila layari [www.sedaniagroup.com](http://www.sedaniagroup.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi dan penawaran servis dan produk kami.

**Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:**

**Dave Pang / Aiza Adriena**

Tel: +6016 549 2835 / +6013 931 8676



[SEDANIA Innovator Berhad](#)



[sedaniainnovatorbhd](#)



[SEDANIA Innovator Berhad](#)